

Baru-baru ini, 100 jururawat menerima anugerah bagi mengiktiraf sumbangan mereka. **BERITA HARIAN** memaparkan kisah tiga jururawat yang menerima anugerah itu.

Puas bangun, persiap operasi pusat perubatan Penjara Changi

► **NUR SYUHRAH HASSAN**
nsyuhrah@sph.com.sg

APABILA Encik Noor Hafiz Hassan menceburi bidang kejururawatan sekitar 20 tahun lalu, beliau tidak jangka akan bekerja di pusat perubatan Kompleks Penjara Changi.

Pengurus kanan jururawat di syarikat Parkway Shenton itu menyifatkan pusat perubatan tersebut sebagai unik.

Persekitaran kompleks tersebut berbeza jika dibandingkan dengan hospital biasa.

Selain itu, pesakit yang dirawat di pusat perubatan semuanya banduan.

Beliau ditugaskan di unit perubatan yang rumit.

Mereka merawat banduan yang baru pulang daripada menjalani pembedahan dari hospital, banduan yang memerlukan pemantauan lebih ketat dan banduan yang baru dimasukkan ke penjara.

Encik Hafiz bekerja bersama lebih kurang 20 jururawat yang lain dalam unitnya.

Antara cabaran harian yang beliau hadapi adalah merangsang staf yang bekerja di bawahnya seliaannya supaya bersikap positif dan saling berjaga-jaga.

Memandangkan bahawa penjara tersebut agak besar saiznya, jumlah pesakit juga tinggi.

Oleh itu, setiap hari, beliau selalunya mengalami sesuatu yang baru dengan pesakit-pesakit yang berlainan.

Namun, terdapat juga rutin lazim yang dilakukan setiap hari seperti pensterilan alat-alat dan membantu

“ Saya berasa amat berbesar hati menerima anugerah ini... Anugerah ini bukan sahaja untuk saya tetapi satu pengiktirafan bagi syarikat saya dan rakan-rakan kerja yang bekerja bersama saya di penjara. Mungkin sekarang, lebih ramai yang akan sedar bahawa kami di penjara juga bekerja keras untuk memenuhi semua keperluan kesihatan pesakit.”

– **Encik Noor Hafiz Hassan, pengurus kanan jururawat di syarikat Parkway Shenton.**

pesakit dengan keperluan harian mereka.

Sebelum ini, Encik Hafiz ditugaskan sebagai pengurus jururawat untuk mengendalikan empat pusat perubatan merangkap Akademi Pertahanan Awam (CDA), Home Team, HQ Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF) dan Kontingensi Ghurka dalam projek bersama Kementerian Ehwal Negara (MHA).

Pengalaman beliau selama 17 bulan penting dalam membangun dan menyiapkan pusat perubatan itu untuk mula beroperasi, mengikut piawaian Kementerian Kesihatan (MOH).

Pimpinan beliau dalam projek tersebut telah memaparkan kemahiran dan kecekapan diri dalam kerjanya.

Justeru, beliau telah dipilih menjadi antara pemenang Anugerah Merit

Jururawat (NMA) pada tahun ini.

“Saya berasa amat berbesar hati menerima anugerah ini. Saya tidak sangka saya dicalonkan, apa lagi menjadi pemenang,” kata Encik Hafiz.

“Anugerah ini bukan sahaja untuk saya tetapi satu pengiktirafan bagi syarikat saya dan rakan-rakan kerja yang bekerja bersama saya di penjara.

“Mungkin sekarang, lebih ramai yang akan sedar bahawa kami di penjara juga bekerja keras untuk memenuhi semua keperluan kesihatan pesakit.”

Salah satu peristiwa yang beliau tidak dapat lupakan adalah apabila salah seorang pesakitnya mengalami kod biru iaitu pengsan dan tidak ada degupan jantung atau hampir mati tetapi pulih kembali.

“Saya rasa lega dan bersyukur kerana apabila saya renung semula, semua yang saya pelajari dapat dipraktikkan ketika memberikan respons dalam kecemasan sebegini.”

Beliau akui bahawa untuk menjadi seorang jururawat, bukan senang. Tugas itu memerlukan daya tahan dan kesabaran yang tinggi.

Namun, pada akhir hari, pekerjaan ini memberikan beliau banyak kepuasan.



ENCIK HAFIZ: Anggap pengalaman bekerja di pusat perubatan Kompleks Penjara Changi sebagai unik. Sebelum ini, beliau pernah ditugaskan sebagai pengurus jururawat untuk mengendalikan empat pusat perubatan merangkap Akademi Pertahanan Awam (CDA), Home Team, HQ Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF) dan Kontingensi Ghurka dalam projek bersama Kementerian Ehwal Negara (MHA). – Foto-foto BH oleh ONG WEE JIN

CIK JURAIHAH: Dedahkan bahawa bidang kejururawatan merupakan “kekasih pertama” beliau. Sifat riang, ikhlas dan ihsan jururawat berusia 42 tahun itu jelas apabila beliau merawat dan melayan pesakit hingga sentiasa mendapat pujian pengurusnya. – Foto BH oleh JASON OUAH



“ Walaupun saya sudah bekerja lama sebagai seorang jururawat, saya tidak boleh berhenti belajar. Saya perlu terus meningkatkan kemahiran saya untuk terus menyampaikan khidmat dan penjagaan yang terbaik bagi pesakit saya. Itulah antara motivasi bagi saya untuk melanjutkan pelajaran walaupun sudah berumur waktu itu.”

– **Cik Marimah Rahmat, jururawat klinik di teater pembedahan Hospital Tan Tock Seng (TTSH).**

CIK MARIMAH: Berpendapat bahawa walaupun beliau seorang jururawat veteran, pembelajaran bagi seorang jururawat tidak terhenti dan akan terus menjadi perjalanan sepanjang hayat.



Setia pada kejururawatan bawa ganjaran

“KEJURURAWATAN adalah kekasih pertama saya.”

Pendedahan itu, walau diiringi tawa kecil, menjadi cita-cita Cik Siti Juraiha Hj Mohd Saleh sejak kecil.

Semangat dan minat beliau dalam bidang kejururawatan terserlah dalam suaranya apabila dihubungi *Berita Harian* baru-baru ini ketika diminta menceritakan tugasnya di Pusat Jantung Nasional Singapura (NHCS).

Sifat riang, ikhlas dan ihsan jururawat berusia 42 tahun itu jelas apabila beliau merawat dan melayan pesakit hingga sentiasa mendapat pujian pengurusnya.

Ciri-ciri inilah yang bantu beliau menjadi salah seorang pemenang Anugerah Merit Jururawat (NMA) pada tahun ini.

Selama sembilan tahun di NHCS, Cik Juraiha memahami betapa kritikal tugasnya di NHCS. Walaupun personanya ceria selalu, beliau akui bahawa apabila masa untuk bantu doktor dengan operasi pembedahan, beliau harus serius dan tekun memandangkan prosedur yang terlibat agak rumit.

Apabila beliau mendapat tahu atau

melihat pesakit pulih, beliau tumpang gembira bersama pesakit dan keluarganya.

Itulah motivasi utama bagi dirinya untuk sentiasa membantu orang lain.

Menurut Cik Juraiha, beliau suka membantu orang agar dapat merasai kegembiraan.

Pada masa yang sama, minatnya dalam bidang kejururawatan terus mengukir hubungan yang lebih mendalam.

Beliau tidak sangka bahawa dapat meraih anugerah NMA dan amat bersyukur atas pengiktirafan itu.

Cik Juraiha berterima kasih kepada arwah ibu dan ayahnya, Hajah Jawahid Haji Salleh dan Haji Mohd Saleh Haji Jopri, serta suaminya, Encik Anuar Abdul Rahim, dan pengurus kanannya, Cik Tina Teo Poh Tin, yang telah memberi sokongan dan memahami minatnya dalam bidang itu.

Pengalaman beliau ketika menjaga arwah neneknya menjadi sebab utama beliau berazam menjadi seorang jururawat kerana mahu menolong orang lain.

“Sayangilah kerja anda dan anda tidak akan bekerja sepanjang hidup” seru Cik Juraiha, yang sangat berbesar hati pada rezeki yang beliau nikmati.

► **NATASHA MUSTAFA**
nmustafa@sph.com.sg

SEBAGAI seorang jururawat veteran yang berpengalaman selama 35 tahun, Cik Marimah Rahmat percaya bahawa masih banyak yang perlu dipelajarinya.

Ini penting terutama dalam arena perubatan yang menyaksikan penggunaan maklumat, alat dan teknologi terkini.

Memahami keperluan untuk terus meningkatkan kemahiran dan mempelajari teknologi baru ini, Cik Marimah telah kembali ke sekolah pada usia 48 tahun dahulu untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana muda sains dalam Kejururawatan Amalan Profesional di Universiti Queen Margaret daripada Institut Pengurusan Asia Timur (EASB).

Walaupun beliau seorang jururawat veteran, Cik Marimah, kini berusia 56 tahun, berkata pembelajaran bagi seorang jururawat tidak akan terhenti dan akan terus menjadi perjalanan sepanjang hayat.

“Walaupun saya sudah bekerja lama sebagai jururawat, saya tidak boleh berhenti belajar. Saya perlu terus meningkatkan kemahiran saya untuk terus menyampaikan khidmat dan penjagaan yang terbaik bagi pesakit saya.

“Itulah antara motivasi bagi saya untuk melanjutkan pelajaran walaupun sudah berumur waktu itu,” kata beliau, yang bertugas di Hospital Tan Tock Seng (TTSH).

Menurut Cik Marimah, cita-cita awalnya sejak kecil lagi adalah menjadi jururawat yang dapat merawat dan mengubati pesakit seperti ibunya yang mengalami fibroid iaitu sejenis ketumbuhan tidak mengakibatkan barah.

Dengan sikap tekun dan cita-cita tinggi, beliau menimba pengetahuan di sekolah jururawat dan menikmati kenaikan pangkat semasa bekerja.

Pada awal kerjayanya, beliau meraih pengalaman dalam bidang kejururawatan pediatrik dan neonatal serta rawatan pascapembedahan,

wad pembedahan dan unit kecemasan intensif (ICU).

Kini Cik Marimah seorang jururawat klinik di teater pembedahan (pembedahan siang).

Beliau antara 100 jururawat yang menerima anugerah Merit Jururawat (NMA) yang diberikan Kementerian Kesihatan (MOH) tahun ini.

Ketika dihubungi baru-baru ini, Cik Marimah berkata beliau tidak menjangkakan mendapat anugerah ini.

“Saya terkejut juga tetapi saya gembira kerana usaha yang saya lakukan selama ini diberi penghargaan.

“Selama ini, apa yang saya lakukan adalah tanggungjawab saya sebagai seorang jururawat kepada pesakit saya,” ujarnya.

Walaupun perjalanannya mencair, ibu tiga orang anak itu berkata beliau tidak dapat melakukan demikian tanpa sokongan dan dorongan jururawat kanan serta keluarganya.

“Sebenarnya semasa saya mu-

da lagi dan baru bermula di wad pediatrik, saya tidak mempunyai keyakaran dan hampir berputus asa. Tetapi saya rasa kata-kata semangat daripada mereka dulu telah mendorong saya untuk melakukan yang terbaik.

“Selain itu, keluarga saya memainkan peranan yang besar dalam membantu saya sepanjang perjalanan ini. Ibu bapa dan adik-beradik saya telah banyak membantu saya semasa saya bekerja dan melanjutkan pelajaran. Saya tidak akan dapat mencapai matlamat saya tanpa bantuan mereka,” jelas beliau.

Menurut Cik Marimah, beliau berharap dapat menjadi contoh bagi jururawat yang muda untuk terus berusaha dan meningkatkan kemahiran mereka tidak kira usia.

“Tidak semua orang boleh menjadi seorang jururawat. Ia memerlukan motivasi dan minat.

“Saya harap ramai akan terus mencari peluang meningkatkan kemahiran mereka dan terus membantu lebih ramai orang,” ujarnya.